

19 JAN 1999

Mahathir-Tol

KENAIKAN KADAR TOL TIDAK BANYAK, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 19 Jan (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menjelaskan bahawa kerajaan terpaksa menaikkan kadar tol untuk mengelak daripada membayar pampasan 100 peratus kepada pemegang konsesi lebuhraya seperti yang disyaratkan dalam perjanjian.

Bagaimanapun, Perdana Menteri berkata kenaikan kadar tol itu tidak akan membebankan pengguna lebuhraya.

"Kenaikan ini adalah sedikit sahaja kerana sebenarnya kerajaan menanggung 60 peratus daripada bayaran tol yang patut dikenakan," kata beliau ketika ditanya mengenai pengumuman Menteri Kerja Raya Datuk Seri S.Samy Vellu baru-baru ini bahawa kadar tol di empat lebuhraya akan dinaikkan selepas Tahun Baru Cina bulan depan.

Empat lebuhraya itu ialah Lebuhraya Utara-Selatan, Ekspresway Lingkaran Tengah (Elite), Lebuhraya Shah Alam-Kelang dan Lebuhraya Kulim-Butterworth.

Pelbagai pihak termasuk Gabungan Persatuan-persatuan Pengguna Malaysia (Fomca), Majlis Belia Malaysia, anggota-anggota Parlimen dan parti-parti politik telah membantah keras kenaikan kadar tol.

Dr Mahathir berkata pengguna lebuhraya berkenaan hanya perlu menanggung 40 peratus daripada kenaikan tol dan bakinya akan ditanggung oleh kerajaan.

"Oleh kerana kerajaan sedar rakyat akan menghadapi masalah, kita tanggung 60 peratus daripada kenaikan tol dan pengguna hanya membayar 40 peratus sahaja," kata beliau.

Samy Vellu dilaporkan berkata semalam bahawa kerajaan telah membayar pampasan sebanyak RM200 juta kepada pengusaha lebuhraya tahun lepas kerana permintaan mereka untuk menaikkan kadar tol ditolak.

Perdana Menteri berkata jika kerajaan tidak berpegang kepada perjanjiannya dengan syarikat konsesi berkenaan, kadar tol "akan lebih tinggi lagi."

Untuk mengurangkan beban pengguna lebuhraya, kerajaan terpaksa menanggung sebahagian daripada kenaikan kadar tol itu, katanya.

"Bila kita "privatise" (menswastakan) jalan-jalan (lebuhraya) ini, kita telah bersetuju dengan peningkatan kadar tol untuk membayar kos pelaburan membina lebuhraya," kata Dr Mahathir.

Ketika ditanya sama ada dengan penjelasan beliau itu, kadar tol di empat lebuhraya berkenaan akan tetap dinaikkan selepas Tahun Baru Cina, Dr Mahathir berkata: "Kalau kita tak naikan bayaran tol, maka kerajaan mesti membayar 100 peratus mengikut janji yang dibuat."

"Ini bermakna duit kerajaan tidak akan diguna untuk projek-projek lain seperti pembangunan luar bandar dan sebagainya," kata beliau lagi.

Mengenai harga petroleum mentah dunia yang telah dikurangkan kepada US\$5 daripada US\$10 setong sekarang, Dr Mahathir berkata Malaysia tidak terlalu bergantung kepada minyak.

"Jika harga minyak menjadi terlalu rendah, kita boleh memberhentikan pengeluaran atau mengurangkan pengeluaran," katanya.

Perdana Menteri berkata Malaysia kemudiannya akan hanya mengeluarkan untuk kegunaan sendiri sahaja.

Sementara itu, Samy Vellu menjelaskan hari ini pengumuman beliau mengenai kenaikan tol Jumaat lepas adalah keputusan kabinet.

"Ia bukan keputusan saya, ia adalah keputusan kerajaan," katanya kepada pemberita di rumah terbuka Dr Mahathir di sini.

Beliau mengaku kenaikan tol itu merupakan keputusan yang tidak popular tetapi kenaikan itu mesti dilakukan.

Samy Vellu juga berkata kajian semula kadar tol Lebuhraya Utara-Selatan akan dilakukan setiap tahun sehingga berakhirnya tempoh konsesi.

Beliau berkata Perbendaharaan dan Projek Lebuhraya Utara-Selatan Berhad (Plus) sedang membincangkan kemungkinan melanjutkan tempoh konsesi syarikat itu.

-- BERNAMA

ES KGO AR